

KATA ALUAN DEKAN BARU CTL

Assalamualaikumwbth. & Selamat Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, buletin P&P Edisi Jun 2007 ini dapat dikeluarkan seperti yang dirancang. Ini adalah kali pertama saya menulis dalam buletin P&P kerana baru bertugas di Centre for Teaching and Learning (CTL) mulai pertengahan April 2007 yang lalu.


Terlebih dahulu saya ingin merakamkan banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Naib Canselor kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk bertugas di CTL.

CTL merupakan pusat yang mempunyai bilangan staf yang sederhana dan mendapat banyak bantuan dan sokongan dari berbagai fakulti dan unit di UTM untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti tentang pengajaran dan pembelajaran adalah sangat mustahak kerana peranan utama setiap institusi pengajian atau pendidikan adalah pengajaran dan pembelajaran. Setiap staf akademik samada yang baru bertugas mahu pun yang telah berpuluh-puluh tahun mengajar memerlukan sokongan dalam pelbagai aspek. Ini khususnya bagi memastikan proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan seterusnya membantu pelajar melalui satu proses pembelajaran yang lebih bermakna. Pengajaran yang berkesan serta proses pembelajaran yang bermakna ini seterusnya diharapkan dapat menyokong kepada aktiviti penguasaan ilmu yang diperlukan sebaik dan sebanyak yang mungkin oleh pelajar.

Peranan CTL menjadi semakin besar dengan harapan yang lebih tinggi Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Teknologi Malaysia untuk mengeluarkan graduan yang kuat IQ dan EQ dimana 'hard skills' yang mantap dibantu oleh ketrampilan dalam 'soft skills'. Penekanan banyak ditumpukan ke atas pelajar untuk berubah, tetapi yang juga sangat penting ialah kebolehan staf menjadi contoh dan ikutan kepada pelajar. Oleh itu, berbagai kursus dan bengkel diadakan oleh CTL untuk membantu staf meningkatkan kebolehan dan seterusnya berubah ke tahap yang lebih baik dalam pengajaran. Ini bagi memastikan agar proses

pembelajaran berlaku seperti yang dikehendaki disamping menjadi 'role model' kepada pelajar. Di samping kursus, bengkel dan aktiviti pemantapan ilmu pedagogi, CTL juga berusaha untuk memberi sokongan perundingan, khidmat nasihat dan teknikal kepada semua staf agar dapat memanfaatkan penggunaan teknologi dalam proses P&P. Salah satu usaha CTL bagi tujuan tersebut ialah dengan menyediakan kemudahan studio rakaman audio dan video. Studio yang dilengkapi dengan pelbagai alat audio visual ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh staf di UTM khususnya untuk meningkatkan keupayaan dalam pengajaran mereka. Di samping itu, semua staf juga dialu-alukan untuk terus mengikuti berbagai aktiviti yang disediakan oleh CTL di sepanjang tahun.

Kedudukan CTL di tahap sekarang ini adalah hasil usaha semua staf terdahulu; bermula daripada Unit Latihan seterusnya UNIPEN dan kini CTL serta disokong oleh semua pihak di UTM. Penghargaan saya bagi pihak CTL kepada semua yang telah menyumbang kepada kemajuan CTL dari dahulu sehinggalah sekarang. Penghargaan khas juga ditujukan kepada Prof. Dr. Mohd Salleh Abu (Dekan CTL terdahulu) yang kini telah berpindah untuk bertugas sebagai Dekan di Fakulti Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Wassalam. 

Prof. Ir. Dr. Hasanani Md. Nor
Dekan CTL



PENGGREDAN MARKAH MATA PELAJARAN

Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada tarikh 9 Mei 2007 telah meluluskan Sistem Penggredan Markah Matapelajaran yang baru dan ianya telah dilaksanakan mulai Semester II Sesi 2006/2007 kepada semua pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

Sistem Penggredan markah di UTM perlu dipinda untuk menjadikannya lebih setara berbanding sistem penggredan yang digunakan di IPTA lain serta IPT di luar negara. Sistem Penggredan ini seterusnya akan membantu graduan UTM bersaing dalam suasana yang lebih adil dalam mendapatkan peluang pekerjaan atau mendapatkan tempat untuk melanjutkan pengajian diperingkat pasca siswazah yang lazimnya dibuat berdasarkan PNGK.

Jadual lengkap perubahan sistem penggredan boleh dilihat di mukasurat 2.



Athamduhillah

sekali lagi Buletin P&P yang merupakan penyebar maklumat aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UTM datang menemui warga akademik universiti. Edisi kali ini bertepatan dengan sesi baru yang akan bermula dan sudah tentulah suasana kampus akan kembali ceria diwarnai dengan kehadiran pelajar-pelajar baru yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Modul Kemahiran Insaniah (soft skills) yang menggariskan atribut yang perlu dimiliki oleh semua graduan di institut pengajian tinggi di Malaysia. Penerapan kemahiran ini amat diperlukan sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan universiti tempatan dewasa ini. Suatu kelebihan kepada kita di UTM ialah sebahagian besar kemahiran yang perlu diterapkan melalui program ini adalah berasaskan kemahiran generik yang telah pun dilaksanakan di UTM semenjak beberapa tahun yang lalu. Oleh yang demikian adalah diharapkan semua pihak dapat bekerjasama bagi melaksanakan penerapan kemahiran insaniah ini di kalangan pelajar kita bertepatan dengan harapan masyarakat agar IPTA dapat melahirkan graduan yang lebih berdaya saing sesuai dengan keperluan semasa dan pasaran kerja masa kini.

Suatu perkembangan yang baik kepada para pensyarah ialah berita tentang siapnya kerja-kerja ubah suai bagi studio rakaman dan makmal pembangunan multimedia yang bertempat di CTL. Infrastruktur ini dibina bertujuan untuk membantu pensyarah menggunakan kemudahan teknologi bagi meningkatkan mutu bahan pengajaran yang disampaikan. Antara khidmat yang disediakan ialah untuk merakamkan kuliah, sesi perbincangan, forum dan sebagainya serta membangunkan objek-objek pembelajaran yang dipertingkatkan melalui elemen-elemen multimedia. Maka semua pensyarah diseru untuk mengambil kesempatan ini dengan menggunakan kemudahan yang disediakan bagi menambahbaik bahan pengajaran masing-masing sesuai dengan hasrat universiti untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada mahasiswanya.

Ketua Editor

Prof. Ir. Dr. Hasanan Md. Nor

Editor

PM Dr. Mohamed Noor Hasan (mnoor@utm.my)
 PM Dr. Mohd Zaki Kamsah (r-zaki@utm.my)
 PM Khairi Izwan bin Abdullah (m-khairi@utm.my)
 PM Dr. Noor Abidah bt. Mohd Omar (m-abidah@utm.my)
 Dr. Jamalludin bin Hj. Harun (p-jamal@utm.my)
 En. Ganesan Andimuthu (ganesan@utm.my)

Pembantu Penerbitan

En. Halizan bin Hashim (halizan@utm.my)
 En. Jamil bin Hamzah (h-jamil@utm.my)
 Pn. Ili Ruwaida bt. Md Yusof (iliruwaida@utm.my)

Jurufoto

En. Supandi bin Bunangin (supandi_umg@utm.my)

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL),
 Bangunan Pengajian Siswazah (F54),
 81310 UTM Skudai,
 Johor Darul Takzim.

Tel.: 07-553 7857/51
 Faks: 07-553 7860

Versi elektronik: www.ctl.utm.my/buletin

Sistem Penggredan Markah Mata Pelajaran

Gred	Mata Nilai
A+	4.00
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
D-	0.67
E	0.00

Kelas Penganugerahan Diploma/Ijazah

Kursus Diploma	Kedudukan PNGK
Diploma Kelas Pertama	PNGK \geq 3.50
Diploma Kelas Kedua	$2.00 \leq$ PNGK $<$ 3.50
Kursus Ijazah Sarjana Muda	Kedudukan PNGK
Kepujian Kelas Pertama	PNGK \geq 3.67
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	$3.00 \leq$ PNGK $>$ 3.67
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	$2.00 \leq$ PNGK $<$ 3.00

* Gred D+ adalah gred minimum lulus bagi sesuatu matapelajaran.

PERTANDINGAN

MEREKACipta laman Web

Malaysiaku Gemilang

Hadiah Pertama
RM 1000.00

Hadiah Kedua
RM 500.00

Hadiah Ketiga
RM 300.00

Majlis Perpisahan Mantan Dekan CTL : Prof. Dr. Mohd Salleh Abu

Bertempat di Dataran CTL pada 10/04/2007, satu majlis perpisahan di antara staf CTL dengan mantan Dekan CTL iaitu Prof. Dr. Mohd Salleh Abu telah diadakan. Prof. Dr. Mohd Salleh Abu yang telah bersama CTL sejak ianya masih dikenali sebagai Unipen telah berpindah untuk menerajui Fakulti Pendidikan sebagai Dekan mulai 10/04/2007. Tempat beliau sebagai Dekan di CTL pula digantikan oleh Prof. Ir. Dr. Hasanan Md. Nor dari Fakulti Kejuruteraan Awam.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan pengerusi majlis diikuti dengan ucapan penghargaan daripada Pengerusi Kelab Keluarga CTL (KAPPELLA). Majlis diteruskan dengan ucapan/amanat terakhir daripada mantan Dekan CTL. Dalam ucapan, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf yang menyokong beliau untuk sama-sama membangunkan CTL. Beliau seterusnya berharap agar sokongan dan semangat kerjasama yang ditunjukkan dapat diteruskan agar CTL terus maju dan cemerlang.

Majlis juga diserikan dengan persembahan multimedia yang memaparkan sejarah hidup dan laluan kerjaya Prof. Dr. Mohd Salleh Abu di UTM. Majlis disudahi dengan penyampaian cenderahati tanda ingatan daripada staf CTL kepada beliau. Semoga Prof. Dr. Mohd Salleh Abu terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam bidang pendidikan negara amnya dan UTM khususnya. JASAMU TETAP DIKENANG.



Program Kelas Fardhu Ain

Sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan motivasi dan ilmu agama di kalangan staf CTL, Kelab Keluarga Pengajaran dan Pembelajaran (KAPPELLA) telah menjalankan Program Kelas Fardhu Ain untuk staf-staf CTL.

Program ini telah dilaksanakan sebanyak 2 kali sebulan dan diadakan pada hari khamis. KAPPELLA telah menjemput seorang penceramah dari Masjid Sultan Ismail UTM untuk mengendalikan kelas Fardhu Ain ini. Semoga program agama ini dapat memberi input yang berkesan kepada semua staf yang hadir dan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Pertandingan Bowling Staf CTL 2007

Pada malam 4 April 2007 yang lalu, satu Pertandingan Bowling antara staf CTL telah berlangsung di Skudai Parade Bowling Centre. Program anjuran Kelab Keluarga Pengajaran dan Pembelajaran (KAPPELLA) ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat-bakat baru dan semangat kesukanan di kalangan staf.

Pertandingan ini telah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori lelaki dan kategori wanita. Pemenang dipilih berdasarkan staf yang mengutip jumlah mata yang tertinggi untuk 3 permainan. Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang oleh Dr. Jamalludin Harun selaku Pengurus IT CTL dan PM Dr. Zaidatun bte Tasir.



STAF BARU CTL... SELAMAT DATANG DIUCAPKAN



Prof. Ir. Dr. Hasanan Md. Nor
Dekan
10 April 2007



En. Ganesan Andimuthu
Penolong Pendaftar
1 Disember 2006



Nurafeza Binti Mohamed Ismail
Pembantu Tadbir (P/O)
4 Jun 2007

Studio Rakaman Video CTL sedia untuk digunakan

Salah satu peranan CTL ialah memberi sokongan dan perkhidmatan kepada staf akademik UTM dalam mempelbagaikan kaedah P&P termasuklah P&P berasaskan penggunaan teknologi. Sesuai dengan peranan tersebut, CTL sentiasa berusaha untuk meningkatkan khidmat sokongan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Antara kemudahan terbaru yang sedia untuk digunakan oleh staf akademik UTM ialah Studio Rakaman Video dan Makmal Pembangunan Multimedia. Studio dan makmal bertempat di blok F54, Bangunan SPS ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti studio rakaman video, studio rakaman audio, sistem penyuntingan video tidak linear (NLE), sistem animasi digital (Silicon Graphics) dan sebagainya. Dengan pelbagai bentuk kemudahan dan kelengkapan ini, CTL menambah lagi khidmat sokongan yang disediakan untuk staf akademik. Antara perkhidmatan baru yang ditawarkan ialah:

- menyediakan objek pembelajaran digital dalam pelbagai format.
- membuat rakaman audio dan video sesi pengajaran untuk tujuan sebaran menerusi web (webcast/podcast/streaming dan sebagainya).
- membuat rakaman perbincangan atau forum yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Staf akademik UTM adalah dipelawa untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan khususnya bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran.

BENGGEL PENYEMAKAN SEMULA SISTEM PENGGREDAN MARKAH MATA PELAJARAN DI UTM

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Pejabat Pendaftar dengan kerjasama CTL telah menganjurkan Bengkel Penyemakan Semula Sistem Penggredan Markah Mata Pelajaran di UTM pada 9 hingga 11 Februari 2007 di Hotel Renaissance, Melaka. Bengkel telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan), Yg. Bhg. Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Penceramah/fasilitator yang terlibat terdiri daripada Prof Dr. Mohd Salleh bin Abu, Prof. Dr Bahrom bin Sanugi dan Dr. Muhammad Hisyam Lee bin Abdullah. Antara objektif bengkel ialah untuk menyemak semula sistem penggredan markah mata pelajaran yang diamalkan di UTM dan menyediakan cadangan pindaan ke atas sistem penggredan markah mata pelajaran tersebut.

KURSUS ASAS PEMBANGUNAN APLIKASI MULTIMEDIA PENDIDIKAN

Seramai 26 orang peserta telah menghadiri Kursus Asas Pembangunan Aplikasi Multimedia Pendidikan yang telah dianjurkan oleh pihak CTL dan HRD pada 27 - 28 Februari 2007 di Makmal Komputer 1, CTL. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan latihan kepada staf akademik tentang prinsip, teori serta proses-proses pembangunan aplikasi multimedia bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Antara topik yang disampaikan ialah Asas Pembangunan Aplikasi Multimedia Pendidikan Menggunakan Macromedia Authorware, Asas Penyediaan Kemudahan Interaktiviti Dalam Persembahan. Penceramah/fasilitator terdiri daripada Dr. Jamalludin bin Harun, PM Dr. Zaidatun bte Tasir dan En. Noraffandy bin Yahaya.

PROGRAM PROBLEM ORIENTED PROJECT - BASED LEARNING (POPBL)

Program Problem Oriented Project – Based Learning (POPBL) telah dijalankan pada 22 Februari 2007 bertempat di Dewan CTL. Program anjuran CTL ini bertujuan untuk membincangkan perancangan, rekabentuk dan strategi yang berkesan dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah.

Dua orang staf akademik dari Denmark Technical University dan Roskilde University yang telah lama mengamalkan kaedah POPBL dalam pengajaran dan pembelajaran telah dijemput untuk berkongsi idea, pandangan dan pengalaman mereka. Program ini berlangsung selama satu hari dan melibatkan staf akademik dari setiap fakulti.

HALF DAY WORKSHOP ON TEACHING STUDENTS READING SKILLS IN THE CONTENT CLASS – SQ3R TECHNIQUE

Half Day Workshop on Teaching Students Reading Skills in the Content Class – SQ3R Technique ini merupakan satu bengkel yang memperkenalkan peserta kepada kaedah SQ3R.

Bengkel ini telah diadakan pada 14 Februari 2007 yang lalu di Dewan Jamuan Korporat CTL, hanya dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris (UBI) dengan kerjasama HRD untuk memberi pendedahan kepada staf akademik mengenai penggunaan kaedah SQ3R yang dapat membantu pelajar menguasai teknik pembacaan bahasa Inggeris yang berkesan dan mengaplikasikan kaedah tersebut dalam pengajaran di dalam kelas.

Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini iaitu Prof. Madya Khairi Izwan bin Abdullah dan Cik Farhana Diana @ Deiyannah Deris.

KURSUS KONSEP ASAS PENGGUNAAN SISTEM e-PEMBELAJARAN

Pada 13 - 14 Februari 2007 yang lalu, satu Kursus Konsep Asas Penggunaan Sistem e-Pembelajaran untuk staf akademik UTM telah dijalankan bertempat di Makmal Komputer 1, CTL. Kursus anjuran CTL dan HRD ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada konsep dan asas penggunaan teknologi e-pembelajaran khususnya untuk kegunaan UTM.

Penceramah/fasilitator adalah terdiri daripada PM Dr. Mohamed Noor bin Hasan dan En. Zulkepli bin Muhammad. Objektif kursus ialah untuk membantu peserta menggunakan ciri-ciri sistem pengurusan e-pembelajaran secara komprehensif dan lebih berkesan.

KURSUS GRAMMAR REVISION

Kursus Grammar Revision anjuran CTL dengan kerjasama HRD telah dijalankan pada 13 - 14 Mac 2007 bertempat di Dewan Jamuan Korporat, CTL. Kursus yang dihadiri oleh staf akademik UTM ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran tatabahasa dalam penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kursus ini telah dikendalikan oleh dua orang fasilitator jemputan iaitu Pn. Noor Mala Ibrahim dan Pn. Nur-Al Huda Hashim. Peserta telah didedahkan dengan tajuk-tajuk seperti *Tenses*, *Sentence Structure* dan *Paragraph Writing*.

KURSUS PEMBANGUNAN OBJEK PEMBELAJARAN DIGITAL

Teknologi multimedia dan internet merupakan dua teknologi yang semakin mendominasi setiap aspek kehidupan manusia masa kini termasuklah dalam bidang pendidikan. Pendidikan era digital memerlukan seorang pendidik yang mampu serta berkemahiran untuk memanfaatkan teknologi tersebut dengan bijak bagi menghasilkan proses P&P yang lebih berkesan. Kursus ini akan memperkenalkan golongan pendidik kepada konsep dan asas pembangunan objek pembelajaran digital dari aspek penghasilan, aplikasinya dan bagaimana ia digunakan dalam meningkatkan keberkesanan proses P&P.

Kursus ini telah berjaya dijalankan pada 14 hingga 15 Mac 2007 bertempat di Makmal Komputer 1, CTL. Kursus Pembangunan Objek Pembelajaran Digital ini adalah anjuran bersama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD). Di antara penceramah dan fasilitator yang terlibat dalam pelaksanaan kursus ini ialah Dr. Jamalludin Harun, Dr. Zaidatun Tasir dan En. Nihra Haruzuan Mohd Said dan En. Shahrudin bin Md. Salleh.

Sepanjang kursus berkenaan, seramai 19 orang peserta telah didedahkan dengan Konsep Asas Pembangunan Objek Pembelajaran Digital, Pengumpulan Sumber & Penyuntingan Elemen Multimedia bagi tujuan P&P, Asas Penyediaan Objek Pembelajaran: Grafik, Animasi dan Interaktiviti dalam Persembahan dan lain-lain lagi yang semestinya memberi banyak manfaat kepada peserta.

KURSUS MENGOPTIMUM PENGGUNAAN PERISIAN PERSEMBAHAN ELEKTRONIK BAGI TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kursus Mengoptimum Penggunaan Perisian Persembahan Elektronik bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran, anjuran bersama CTL dan HRD telah diadakan pada 24 dan 25 April 2007 bertempat di Makmal Komputer 1, CTL.

Kursus ini telah dihadiri seramai 13 orang staf akademik UTM. Penceramah/Fasilitator adalah terdiri daripada PM. Dr. Baharuddin bin Aris, PM. Dr. Zaidatun bte Tasir, Pn. Nor Azean bte Atan dan Dr. Jamaluddin bin Harun. Kursus ini bertujuan untuk membimbing peserta mengoptimum penggunaan perisian persembahan elektronik agar ianya dapat dimanfaatkan terutamanya dalam proses P & P.

KURSUS ASAS PEMBANGUNAN LAMAN WEB BAGI TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada 8 – 9 Mei 2007 yang lalu, satu kursus Asas Pembangunan Laman Web bagi tujuan P & P untuk staf akademik UTM telah dijalankan di Makmal Komputer 1, CTL.

Kursus anjuran CTL dan HRD ini telah dihadiri oleh 24 orang peserta. Antara penceramah yang terlibat ialah Dr. Jamalludin bin Harun, PM. Dr. Zaidatun bte Tasir dan Encik Shahrudin bin Mohd Salleh. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta yang ingin membangunkan laman web khususnya bagi tujuan P & P.

KURSUS PEMBELAJARAN AKTIF

Seramai 32 orang peserta telah menghadiri Kursus Pembelajaran Aktif yang telah dianjurkan oleh pihak CTL dan HRD pada 22 – 24 Mei 2007 bertempat di Dewan Cengal, Pulau Springs Resort.

Penceramah/Fasilitator yang terlibat dalam kursus ini ialah PM. Dr. Khairiyah bte Mohd. Yusof, PM. Dr. Zaidatun bte Tasir, PM. Dr. Zaki Kamsah dan Tuan Syed Ahmad Helmi bin Syed Hassan. Tujuan utama kursus ini diadakan ialah memberikan input mengenai kaedah interaksi individu, aktiviti berkumpulan, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kooperatif, dan bagaimana menggunakan kaedah-kaedah ini dalam pengajaran.

KURSUS PENGGUNAAN PERISIAN SUMBER TERBUKA DALAM P & P

Kursus Penggunaan Perisian Sumber Terbuka Dalam P & P anjuran CTL dan HRD telah diadakan pada 15 dan 16 Mei 2007 bertempat di Makmal Komputer 1, CTL.

Kursus ini dihadiri seramai 14 orang peserta. Penceramah/fasilitator adalah terdiri daripada Dr. Amiruddin bin Shaari dan Encik Khalid Kasmin. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk menerangkan konsep perisian sumber terbuka dan menguasai penggunaan asas perisian-perisian tersebut bagi tujuan P & P.

ENGLISH LANGUAGE COMMUNICATION WORKSHOP BAGI PELAJAR KOLEJ 10

Kelemahan para pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris menjadi perhatian bukan sahaja oleh pihak universiti tetapi juga oleh pihak industri. Memandangkan penguasaan bahasa Inggeris adalah penting, kemahiran serta keupayaan untuk menguasai bahasa Inggeris wajar dipupuk di kalangan pelajar supaya mereka akan lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan lebih yakin.

Bengkel Komunikasi Bahasa Inggeris atau English Language Communication Workshop telah dijalankan untuk menyediakan peluang penggunaan Bahasa Inggeris secara tidak formal melalui pembabitn para peserta di dalam program yang telah dirancang.

Ini bertujuan untuk membentuk dan meningkatkan keyakinan para peserta dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Bengkel anjuran Unit Bahasa Inggeris (UBI), CTL dengan kerjasama ahli Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 10 ini telah dijalankan pada 24 Februari 2007 bertempat di Kolej Kediaman 10, UTM selama sehari.

Peserta adalah terdiri daripada pelajar Kolej 10 sesi 2006/2007 yang dipilih oleh pihak pengurusan Kolej 10. Antara objektif bengkel ini dijalankan adalah untuk meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Inggeris serta memupuk sikap positif terhadap tanggungjawab diri sendiri dalam usaha untuk terus mempelajari Bahasa Inggeris.

Pihak CTL telah menjemput 4 orang Fasilitator daripada kalangan tenaga pengajar Bahasa Inggeris UTM iaitu Pn. Hj. Aminabibi Saidalvi, Cik Farhana Diana Deris, Cik Wan Farah Wani Wan Fakhruddin dan Cik Tan Hooi Koon. Di samping itu, 8 orang fasilitator dari kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua-TESL) UTM juga telah dilantik bagi membantu mengendalikan bengkel ini.



PADA 22 Ogos 2006 yang lalu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan sebuah dokumen mengenai pembangunan atribut di kalangan graduan IPT yang dinamakan Modul Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Dokumen ini menggariskan keperluan semua IPTA menerapkan kemahiran insaniah di kalangan graduan. Dokumen tersebut juga telah menyenaraikan tujuh kemahiran yang mesti dikuasai oleh graduan IPT seperti berikut:

- Kemahiran Berkomunikasi
- Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- Kemahiran Kerja Berpasukan
- Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Keusahawanan
- Etika dan Moral Profesional
- Kemahiran Kepimpinan

Sehubungan dengan itu semua IPTA di Malaysia dikehendaki mengatur strategi bagi membangunkan kapasiti staf akademik dan staf sokongan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dapat mencerna kemahiran insaniah di kalangan pelajar. IPTA juga dikehendaki menyediakan infra dan infostruktur yang sewajarnya disamping menyemak kurikulum program akademik yang ditawarkan. Bagi tujuan pembangunan modal insan yang holistik pihak IPTA juga dikehendaki mewujudkan kerjasama yang erat dengan pihak industri agar mereka dapat memberi input yang relevan dengan keperluan semasa.

Universiti Teknologi Malaysia telah lebih awal mengambil beberapa inisiatif bagi melengkapkan bakal graduan dengan kemahiran-kemahiran insaniah yang dikenalpasti. Pada 21 Jun 2004 misalnya, Senat Universiti telah meluluskan tujuh atribut graduan yang harus diterapkan di kalangan pelajar. Tujuh Atribut Graduan UTM (UTM Graduate Attributes) yang telah dikenal pasti pada masa tersebut adalah:

- Kemahiran Berkomunikasi (Communication Skills)
- Kerja Berkumpulan (Teamworking)
- Penyelesaian Masalah (Problem Solving)
- Penyesuaian Diri (Adaptability)
- Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lifelong Learning)
- Harga Diri (Self-Esteem)
- Etika dan Integriti (Ethics & Integrity)

Bermula dari tarikh tersebut UTM telah melatih staf akademik dengan menganjurkan beberapa siri kursus dan bengkel bagi merancang dan melaksana aktiviti P&P yang lebih berkesan dalam menerapkan kemahiran generik yang dikenal pasti di atas.

Secara umumnya, KPT mengiktiraf model pembangunan kemahiran generik yang digunapakai oleh UTM dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan Kemahiran Insaniah di kalangan pelajar IPT. Sehubungan dengan saranan KPT, Senat UTM pada mesyuarat bil. 5/2006/2007/2 bertarikh 14 Februari 2007 telah meminda sedikit tujuh Atribut Graduan UTM menjadi:



- Kemahiran Berkomunikasi
- Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- Kemahiran Kerja Berpasukan
- Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Keusahawanan
- Etika dan Integriti
- Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif

Antara perubahan yang terdapat dalam senarai Atribut Graduan UTM 2007 yang ada adalah kemasukan dua item baru Kemahiran Keusahawanan dan Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif menggantikan dua item lama iaitu Penyesuaian Diri dan Harga Diri.

Bagi memastikan Atribut Graduan UTM dapat dikuasai oleh semua pelajar, pihak universiti telah menggunakan beberapa kaedah/pendekatan untuk menerapkan kemahiran generik di kalangan mereka seperti yang diwakilkan dalam Rajah 1.

Pemantapan

Atribut Graduan UTM



Rajah 1: Model Pembangunan Atribut Graduan UTM

1 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Pendekatan ini memberi penekanan kepada aktiviti P&P yang dijalankan dalam kursus-kursus semua program akademik. Kurikulum bagi semua program pengajian di UTM telah digubal semula dengan memasukkan elemen kemahiran generik sebagai hasil pembelajaran program. Hasil pembelajaran yang merangkumi penguasaan kemahiran teknikal dalam disiplin pengajian serta kemahiran generik yang harus dikuasai oleh pelajar tersebut boleh didapati dalam setiap Spesifikasi Program yang disediakan. Dokumen spesifikasi program juga mengandungi jadual pemetaan (mapping table) yang menghubungkan setiap matapelajaran dengan kemahiran generik yang ingin diterapkan. Fakulti juga harus mengenalpasti kursus di mana kemahiran ini diterapkan merentasi kurikulum menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berikut:

- a Model mandiri (stand-alone) di mana penerapan kemahiran generik melalui penawaran beberapa kursus yang direka bentuk khas untuk tujuan ini dalam kurikulum sedia ada.
- b Model terapan (embedded) di mana penerapan kemahiran generik dilaksanakan merentasi setiap aktiviti P&P samada semasa sesi kuliah, amali, studio, proses penilaian dan juga program latihan praktik/industri. Pelbagai pendekatan yang dapat menerapkan kemahiran generik seperti pembentangan, kerja berkumpulan, pencarian maklumat, pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah, dan lain-lain juga harus dikenalpasti.

2 Kehidupan Kampus


Pelajar yang tinggal di kolej kediaman digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kampus seperti kelab dan persatuan, aktiviti khidmat masyarakat dan lain-lain. Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan samada di kolej kediaman atau persatuan dikehendaki mengemukakan kertas kerja dengan menyatakan bagaimana aktiviti tersebut dapat menyumbang kepada pembangunan kemahiran generik mereka. Pelajar juga digalakkan dan diberi peluang bagi menjalankan aktiviti keusahawanan di kolej kediaman masing-masing.

3 Program Sokongan Bahasa Inggeris (English Language Support Programme - ELSP)

Beberapa aktiviti sokongan atau pengkayaan telah dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar dalam bahasa Inggeris. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti Kursus Pendek (seperti General Courses, English for Academic Purposes (EAP) Courses, & Specific Skills Development Courses), Bantuan dan Sumber Pembelajaran Bahasa (seperti Online Resources for Learning and Teaching in English, Help Desk & Content-Area Tutoring (CAT)) dan juga Aktiviti Peningkatan Bahasa (seperti Friends of English, Language Camp, English Language Month & Reading Campaign).

4 Program UTM Degree++


Bagi memantapkan lagi penguasaan kemahiran generik, beberapa kursus pendek telah diatur bagi membolehkan bakal graduan menguasai kemahiran tambahan atau mempersiapkan diri bagi menghadapi alam kerjaya. Program yang dinamakan UTM Degree++ ini telah dilaksanakan semenjak Mac 2005. Antara jenis kursus yang telah dilaksanakan adalah persiapan menghadapi temuduga, penulisan resume, penampilan diri, Bahasa Inggeris untuk komunikasi dan banyak lagi.



Graduan yang dapat memanfaatkan segala peluang yang diberikan bagi memantapkan kemahiran teknikal dan kemahiran generik sudah tentunya akan mempunyai peluang yang lebih baik berbanding rakan mereka yang hanya berjaya menguasai kemahiran teknikal. Walau bagaimanapun bagi tujuan tersebut perancangan yang teliti dan komitmen daripada semua pihak terutama pengurusan fakulti dan staf akademiknya sangat perlu bagi memastikan pelajar dapat menguasai segala hasil pembelajaran yang dinyatakan bagi program yang diikuti.

Penambahbaikan dari segi pengendalian dan penilaian aktiviti kemahiran generik harus dilakukan dan perkongsian pengalaman daripada mereka-mereka yang telah melaksanakannya dengan berjaya harus digalakkan. Pihak fakulti juga harus memantau dan menilai keberkesanan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi menghasilkan graduan yang dapat menguasai Tujuh Atribut Graduan UTM.

Maklumbalas dari industri dan pihak berkepentingan yang lain juga perlu didapati bagi memastikan tahap penerimaan masyarakat terhadap penguasaan kemahiran generik di kalangan graduan UTM.



Jun 2007

- Kursus Pembangunan Portfolio Pengajaran
13-14 Jun 2007
- Kursus Pembangunan Hasil Pembelajaran
19-20 Jun 2007
- Kursus Pengajaran Menggunakan Teknologi (E-Pembelajaran)
20-21 Jun 2007
- Kursus Sijil Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1
(Modul A): Asas Pengajaran Efektif
22-26 Jun 2007
- Kursus Pembangunan e-Portfolio
25-26 Jun 2007 (Skudai)
- Kursus Pembangunan e-Portfolio
28 Jun 2007 (City Campus)
- Kursus Analisis Kuantitatif Bagi Penyelidikan
Dalam Pendidikan
26-27 Jun 2007

Kalendar Kursus



Julai 2007

- Kursus Penilaian Penguasaan Kemahiran Generik
di kalangan Pelajar
23-24 Julai 2007
- Kursus Public Speaking
25-26 Julai 2007
- Kursus English for Content-Area Instructors
31 Julai-01 Ogos 2007
- Kursus Konsep asas Penggunaan Sistem E-Pembelajaran
17-18 Julai 2007
- Kursus P&P Bagi Pengalaman Tahun Pertama
27-28 Jun 2007